

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2019

SOALAN

DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan jelas apakah bilangan dan pangkat penjawat perkhidmatan awam dari kaum Dayak yang diambil berkhidmat di jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan sekarang sudah bertambah banyak dan pangkat mereka dinaikkan.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pecahan Kumpulan Perkhidmatan bagi Kaum Dayak di Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Jumlah Pegawai Kaum Dayak
Kumpulan Pelaksana	20,777
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	10,158
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	21
JUMLAH	30,956

Kerajaan tanpa mengira kaum, bangsa dan agama sentiasa memberi ruang dan peluang yang saksama kepada penjawat awam untuk diberi kenaikan pangkat selaras dengan peruntukan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010 - Panduan Pengurusan Pemangkuan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam.

Kerajaan juga tidak pernah menetapkan kuota bagi mana-mana kaum tertentu termasuk kaum dayak dalam urusan kenaikan pangkat. Memandangkan bilangan jawatan-jawatan di peringkat pengurusan tertinggi adalah terhad, proses pertimbangan pengisian perlu melalui suatu proses pemilihan yang ketat berdasarkan **merit, prestasi, kelayakan, kompetensi, daya kepimpinan, pengalaman, integriti dan kesesuaian penerimaan di peringkat Kementerian atau Jabatan**. Ini adalah bagi memastikan, pegawai yang mengisi jawatan-jawatan berkenaan adalah terdiri daripada pegawai yang kompeten dan berkebolehan.